

**Fauzi Ismail bebas tuduhan pengubahan wang**  
**Malaysiakini.com**  
**July 08, 2010**

Mahkamah Tinggi Kota Bharu hari ini melepas dan membebaskan ketua Umno bahagian Kubang Kerian, Datuk Mohd Fauzi Ismail daripada tuduhan melakukan pengubahan wang haram berjumlah RM138,210 pada 2005.

Hakim Datuk Mohd Azman Husin memutuskan demikian setelah menolak rayuan pihak pendakwaan setelah meneliti penghujahan pihak pendakwaan dan pembelaan.

Berdasarkan pertuduhan pertama yang dihadapi, Mohd Fauzi didakwa menerima RM91,650 hasil aktiviti haram dari Mohd Syahbuddin Hashim, 26, di hadapan Stadium Sultan Mohammed Ke-IV di Kota Bharu antara jam 12.30 tengah hari dan 7 malam 6 Januari 2005.

Bagi tuduhan kedua pula, dia didakwa menerima RM46,560 hasil aktiviti haram daripada Wan Ibrahim Wan Setapa, 43, di Pejabat Umno bahagian Kubang Kerian dekat Kota Bharu antara jam 1 tengah hari dan 2 petang 10 Januari 2005.

Pada 22 Januari 2008, Mahkamah Sesyen Kota Bharu mendapati Mohd Fauzi tidak perlu membela diri berikutan kegagalan pihak pendakwaan membuktikan kes prima facie terhadapnya bagi dua tuduhan itu.

Namun, pihak pendakwaan telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi dan kes itu didengar semula sehingga Hakim Mohd Azman hari ini memutuskan keputusan Mahkamah Sesyen sebelum ini dikekalkan.

Mohd Fauzi diwakili peguam Datuk Sukri Mohamed manakala pendakwaan dijalankan timbalan pendakwa raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohd Asnawi Abu Hanipah.

Mohd Fauzi ketika ditemui pemberita di perkarangan mahkamah melahirkan rasa syukur dengan keputusan itu.